

25/01/1997

Henti kritik MAS: Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta supaya kritikan terhadap Penerbangan Malaysia (MAS) dihentikan bagi mengelak syarikat itu menghadapi keruntuhan.

Perdana Menteri yang melihat kritikan itu sebagai kempen untuk menjatuhkan Pengerusi Eksekutif MAS, Tan Sri Tajudin Ramli dan pengurusannya, berkata tidak salah mengkritik jika benar ada yang tidak baik dengan pengurusan MAS.

"Jika benar ada yang tidak baik, kita kritiklah. Tapi apa yang ada sekarang ini seperti satu kempen nak menjatuhkan MAS ... Nak bagi dia punya pengurusan gagal. Dengan ini kita akan ada syarikat penerbangan yang gagal, jatuh.

"Saya tengok kadang-kadang itu macam ada satu kempen nak buang Tajudin Ramli. Itu perkara biasalah, selalu berlaku bila ada satu-satu orang kita tak suka kita hebah dan memburukkan nama orang itu. Bila dia dah berhenti, kita pun berhenti kritik dia," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa dan penyampaian bantuan hari raya kepada anak-anak yatim Wilayah Persekutuan, di sini malam tadi.

Ditanya mengenai khabar angin kononnya Tajudin ingin menjual syarikat itu kerana tidak mampu menguruskannya lagi, Dr Mahathir berkata:

"Saya tanya Tajudin sendiri betulkah dia nak jual (MAS), dia kata dia tidak ingin nak jual tapi ada orang barangkali yang berminat nak beli (MAS) buat kempen," katanya.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar yang menyebut mutu perkhidmatan MAS semakin merosot disebabkan kekurangan tenaga kerja terlatih, termasuk juruterbang bagi menampung pembesarnya, meliputi pengenalan destinasi baru.

Bagaimanapun, kelmarin, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata kerajaan mempunyai keyakinan penuh dengan keupayaan Tajudin untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi MAS dan terus menerajui syarikat itu.

Perdana Menteri menjelaskan, sebagai syarikat swasta, pengurusan MAS bertanggungjawab mengendalikan syarikat itu dan kerajaan hanya boleh menegur jika ada kelemahan.

Namun, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan perkhidmatan MAS yang disifatkan berkembang dan lebih cekap daripada dulu.

Perdana Menteri berkata, MAS tidak pernah benar-benar mencatatkan keuntungan sebelum diserahkan kepada Tajudin kerana keuntungan yang dilaporkan sebelum diswastakan lebih berpunca daripada hasil penjualan kapal terbang.

Malah, menurutnya, MAS ketika ini menghadapi tekanan disebabkan permintaan kerajaan juga yang mahukan syarikat itu menyediakan penerbangan ke seluruh dunia seperti ke Afrika Selatan dan Argentina.

Dr Mahathir berkata, masalah kekurangan tenaga kerja yang dihadapi MAS adalah perkara normal disebabkan ia berkembang terlalu cepat, tambahan pula adalah agak sukar untuk mendapatkan tenaga kerja ketika ini.

"Kalau dulu orang tak ada kerja, kita mudah nak dapat pekerja. Sekarang ini semua orang ada kerja," katanya.

(END)